



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP26: GARIS PANDUAN JURUAUDIT YANG DIBERI KELULUSAN MENGAUDIT DI BAWAH SEKSYEN 61 AKTA KOPERASI 1993

DIKELUARKAN PADA 1 SEPTEMBER 2024

NO. RUJUKAN: SKM.IP.(AM): 7950 JLD.5

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN A : PENGENALAN	1
<ul style="list-style-type: none">• TUJUAN• TAFSIRAN• LATAR BELAKANG	
BAHAGIAN B : PERMOHONAN KELULUSAN SEBAGAI JURUAUDIT KOPERASI	2
<ul style="list-style-type: none">• SYARAT DAN KRITERIA LAYAK DAN BERWIBAWA• TATACARA PERMOHONAN• FI• KELULUSAN JURUAUDIT• PEMBAHARUAN KELULUSAN JURUAUDIT	
BAHAGIAN C : KEWAJIPAN, TANGGUNGJAWAB DAN OBLIGASI JURUAUDIT	4
<ul style="list-style-type: none">• KEWAJIPAN JURUAUDIT• PELANTIKAN DAN TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT• OBLIGASI JURUAUDIT	
BAHAGIAN D : KAWAL SELIA	7
<ul style="list-style-type: none">• KATEGORI JURUAUDIT DAN KOPERASI• SEKATAN PENGAUDITAN• PEJABAT CAWANGAN	
BAHAGIAN E : PELAPORAN DAN PEMANTAUAN	8
<ul style="list-style-type: none">• PELAPORAN JURUAUDIT• PEMANTAUAN KUALITI PENGAUDITAN JURUAUDIT	
BAHAGIAN F : PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN	8
<ul style="list-style-type: none">• PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN KELULUSAN MENGAUDIT AKAUN KOPERASI• PENAMATAN AMALAN PENGAUDITAN• PERMOHONAN SEMULA KELULUSAN MENGAUDIT	
BAHAGIAN G : PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA	10

PERKARA**MUKA SURAT**

LAMPIRAN 1	: SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN MENGAUDIT AKAUN KOPERASI	11
LAMPIRAN 2	: KATEGORI JURUAUDIT, JENIS DAN HAD BILANGAN KOPERASI YANG BOLEH DIAUDIT	13

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*], Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mengeluarkan garis panduan bagi pemakaian subseksyen 61(1) Akta 502 bagi penetapan terma dan syarat dalam memantau dan mengawal juruaudit yang diberi kelulusan mengaudit koperasi.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

“AOB” ertinya *Audit Oversight Board*;

“firma audit” ertinya pemilik tunggal, perkongsian atau entiti berdaftar lain yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] atau Akta Akauntan 1967 [*Akta 94*];

“ICMA” ertinya *The Institute of Cooperative & Management Auditors*;

“juruaudit” ertinya seseorang daripada firma audit yang diberi kelulusan mengaudit akaun suatu koperasi di bawah subseksyen 61(1)(a) Akta 502;

“MIA” ertinya *Malaysian Institute of Accountants*; dan

“Suruhanjaya Cawangan Negeri” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi cawangan setiap negeri di Malaysia.

LATAR BELAKANG

3. Selaras dengan kehendak subseksyen 60(1) Akta 502, setiap koperasi hendaklah menyebabkan akaunnya diaudit sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun kewangan oleh seorang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 61 Akta yang sama .
4. Sebelum diluluskan oleh Suruhanjaya, juruaudit berkenaan hendaklah memenuhi kriteria layak dan berwibawa, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan.
5. Selain itu, seorang juruaudit hendaklah sepanjang masa menghayati dan mengamalkan etika kerja yang berhemah, mempunyai kebebasan, akauntabiliti, integriti, komitmen dan memberi keyakinan kepada koperasi dan pihak lain bahawa mutu perkhidmatan yang diberikan boleh dipercayai, objektif dan kompeten.

BAHAGIAN B : PERMOHONAN KELULUSAN SEBAGAI JURUAUDIT KOPERASI

SYARAT DAN KRITERIA LAYAK DAN BERWIBAWA

6. Seseorang yang memohon untuk mengaudit akaun koperasi di bawah perenggan 61(1)(a) Akta 502 hendaklah mematuhi syarat berikut:
 - (a) warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia;
 - (b) memiliki sijil keahlian dan sijil amalan (*practising certificate*) yang sah daripada MIA atau ICMA;
 - (c) berdaftar dengan AOB, jika berkaitan;
 - (d) tidak pernah dikompaun atau disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta 502, atau Akta 777 atau atas apa-apa kesalahan yang melibatkan *fraud* atau ketidakjujuran di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain sepertimana peruntukan perenggan 62(1)(e) Akta 502;

- (e) bukanlah seorang yang bankrap yang belum dilepaskan sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (f) bebas daripada tindakan disiplin oleh MIA, ICMA atau AOB;
- (g) tidak mempunyai sebarang tindakan penguatkuasaan atau undang-undang yang masih belum selesai terhadapnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (h) mempunyai pengalaman mengaudit di Malaysia sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

TATACARA PERMOHONAN

7. Permohonan kelulusan bagi juruaudit boleh dibuat pada Modul Permohonan Juruaudit Swasta melalui Sistem Permohonan Atas Talian (*Online*) SKM. Senarai semak dokumen permohonan adalah seperti di **Lampiran 1**.

8. Suruhanjaya boleh mengadakan sesi temuduga bagi setiap permohonan yang diterima dan menetapkan apa-apa syarat lain yang disifatkannya patut.

FI

9. Kadar fi untuk kelulusan juruaudit adalah sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja)** sepertimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Koperasi (Fi) 2010 [*P.U.(A) 131/2010*] yang berkuat kuasa pada 3 Mei 2010. Kaedah pembayaran seperti di Lampiran 1.

KELULUSAN JURUAUDIT

10. Tempoh kelulusan juruaudit adalah **satu (1) tahun** sahaja. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berhak membatalkan kelulusan yang diberikan bagi suatu tempoh yang lebih awal atas apa-apa sebab.

11. Pemakluman kelulusan juruaudit adalah melalui perintah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

PEMBAHARUAN KELULUSAN JURUAUDIT

12. Permohonan pembaharuan kelulusan bagi juruaudit hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh **enam puluh (60) hari sebelum tamat tempoh kelulusan** melalui Sistem Permohonan Atas Talian (*Online*) SKM. Senarai semak dokumen permohonan pembaharuan kelulusan adalah seperti di **Lampiran 1**.

13. Sekiranya permohonan pembaharuan dikemukakan selepas tamat tempoh kelulusan terdahulu, juruaudit berkenaan hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan dan dikehendaki menghadiri sesi temuduga oleh Suruhanjaya.

14. Pertimbangan permohonan pembaharuan kelulusan tertakluk kepada pematuhan seksyen 62 Akta 502 dan pengemaskinian maklumat kewangan teraudit oleh koperasi ke dalam Sistem Permohonan Atas Talian (*Online*) SKM.

BAHAGIAN C : KEWAJIPAN, TANGGUNGJAWAB DAN OBLIGASI JURUAUDIT

KEWAJIPAN JURUAUDIT

15. Seksyen 63 Akta 502 menyatakan kewajipan juruaudit ketika mengaudit akaun koperasi adalah–

- (a) memeriksa dan mengaudit akaun dan rekod relevan koperasi;
- (b) melaporkan kepada Suruhanjaya dan koperasi tentang apa-apa luar aturan yang didedahkan oleh pemeriksaan dan pengauditan;
- (c) mengaudit dan memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan;

- (d) melaporkan sama ada penyata kewangan memberikan gambaran benar dan saksama tentang transaksi kewangan dan kedudukan hal ehwal koperasi serta apa-apa perkara lain yang berbangkit daripada pengauditan itu sebagaimana yang difikirkannya patut dilaporkan;
- (e) melaporkan sama ada rekod perakaunan dan rekod lain yang sepatutnya telah disimpan serta penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset oleh koperasi dalam tahun itu adalah mengikut Akta, peraturan-peraturan dan Undang-Undang Kecil koperasi itu.
- (f) melaporkan kepada Suruhanjaya dan koperasi tentang apa-apa perkara yang berbangkit daripada perlakuan pengauditan; dan
- (g) memastikan pengauditan akaun sesuatu koperasi hendaklah termasuk suatu penelitian akaun dan laporan mengenai hutang belum jelas, jika ada, dan penelitian akaun dan laporan mengenai nilai aset dan liabiliti koperasi itu.

16. Juruaudit hendaklah merancang dan melaksanakan pengauditan mengikut piawaian pengauditan bagi memenuhi kehendak peruntukan seksyen 63 Akta 502. Juruaudit juga perlu mendapatkan jaminan munasabah bahawa penyata kewangan yang disediakan oleh koperasi adalah bebas daripada salah nyata material yang disebabkan oleh kesilapan atau penipuan.

17. Juruaudit hendaklah mematuhi garis panduan, pekeliling dan arahan-arahan semasa yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dalam memastikan pelaksanaan pengauditan mematuhi piawaian dan pelaporan penyata kewangan yang lebih telus.

18. Juruaudit yang tidak mematuhi peruntukan seksyen 63 Akta 502 dan melakukan suatu kesalahan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM200,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Ribu Sahaja) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

PELANTIKAN DAN TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT

19. Juruaudit setelah dibuat pelantikan oleh koperasi untuk mengaudit akaunnya, hendaklah mengemukakan satu (1) salinan surat cara pelantikan juruaudit bagi koperasi yang diaudit kepada Suruhanjaya Cawangan Negeri. Surat cara pelantikan juruaudit hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi perkara seperti berikut:

- (a) objektif audit;
- (b) skop pengauditan;
- (c) tanggungjawab koperasi dan juruaudit;
- (d) laporan yang perlu disediakan oleh juruaudit; dan
- (e) tempoh masa pelantikan dan fi audit.

20. Pengauditan hendaklah diselesaikan dalam tempoh **dua (2) bulan** selepas juruaudit menerima penyata kewangan daripada koperasi sebagaimana kehendak subperaturan 29(6) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 [*PPK 2010*].

21. Juruaudit hendaklah mengemukakan laporan pengurusan dan penyata kewangan teraudit yang telah ditandatangani asal di atas kertas berkepala surat (*letterhead*) rasmi firma **tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari** selepas selesai pengauditan.

OBLIGASI JURUAUDIT

22. Juruaudit hendaklah pada setiap masa mempunyai akses kepada rekod perakaunan dan rekod lain yang berkaitan.

23. Juruaudit boleh menghendaki mana-mana orang untuk hadir dan mengemukakan apa-apa maklumat berkaitan dengan transaksi dan hal ehwal koperasi di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang dinyatakan olehnya.

BAHAGIAN D : KAWAL SELIA

KATEGORI JURUAUDIT DAN KOPERASI

24. Bagi memastikan kualiti pengauditan memenuhi piawaian yang ditetapkan dan ketelusan pelaporan penyata kewangan, Suruhanjaya telah mengariskan kategori juruaudit, jenis dan had bilangan koperasi yang boleh diaudit seperti di **Lampiran 2**.

25. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya boleh menentukan apa-apa terma dan syarat yang disifatkannya patut kepada juruaudit dari semasa ke semasa bagi menjamin kualiti pengauditan juruaudit berkenaan.

SEKATAN PENGAUDITAN

26. Juruaudit hendaklah memastikan koperasi yang diaudit tidak termasuk dalam rancangan audit Suruhanjaya sehingga koperasi berkenaan mendapat surat pelepasan daripada Suruhanjaya terlebih dahulu.

27. Juruaudit yang diberi kelulusan mengaudit tidak dibenarkan untuk mengaudit akaun koperasi yang sama untuk tempoh berterusan yang melebihi enam (6) tahun. Walau bagaimanapun, juruaudit berkenaan boleh meneruskan pengauditan ke atas koperasi selepas dua (2) tahun berhenti mengaudit akaun koperasi tersebut.

PEJABAT CAWANGAN

28. Bagi mana-mana juruaudit yang mempunyai pejabat cawangan, pejabat tersebut hendaklah mempunyai **sekurang-kurangnya tiga (3) orang** pekerja yang melaksanakan kerja pengauditan dan diketuai oleh seorang yang mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan/Diploma Perakaunan atau setaraf dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan.

BAHAGIAN E : PELAPORAN DAN PEMANTAUAN

PELAPORAN OLEH JURUAUDIT

29. Juruaudit dikehendaki mengemaskini maklumat koperasi yang diaudit di dalam Modul Juruaudit Swasta, Sistem Permohonan Atas Talian (*Online*) SKM selaras dengan kehendak subseksyen 85A(1) Akta 502.

PEMANTAUAN KUALITI PENGAUDITAN JURUAUDIT

30. Suruhanjaya boleh melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa melalui semakan ke atas kertas kerja pengauditan juruaudit bagi mengawal dan menilai kualiti pengauditan akaun koperasi.

31. Suruhanjaya hendaklah pada setiap masa mempunyai akses kepada kertas kerja pengauditan juruaudit itu. Selaras dengan itu, juruaudit bertanggungjawab memastikan kertas kerja pengauditan disimpan di pejabat atau pejabat cawangan bagi tujuan semakan.

32. Suruhanjaya berhak mengambil apa-apa tindakan ke atas juruaudit berdasarkan hasil dapatan semakan tersebut.

BAHAGIAN F : PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN

PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN KELULUSAN MENGAUDIT AKAUN KOPERASI

33. Suruhanjaya boleh merujuk kepada MIA atau ICMA sekiranya terdapat sebarang aduan atau salah laku terhadap juruaudit.

34. Sekiranya juruaudit telah digantung keahliannya dalam MIA atau ICMA, kelulusan sebagai juruaudit koperasi akan digantung berkuat kuasa serta-merta mengikut tempoh penggantungan oleh pihak MIA atau ICMA.

35. Di bawah subseksyen 61(3) Akta 502, Suruhanjaya berhak untuk membatalkan kelulusan mengaudit akaun koperasi sekiranya berpandangan kerja audit yang dijalankan oleh juruaudit adalah tidak memuaskan.

PENAMATAN AMALAN PENGAUDITAN

36. Penamatan amalan pengauditan atas sebab berikut hendaklah dimaklumkan oleh juruaudit/ firma kepada Suruhanjaya:

- (a) juruaudit yang bersara secara sukarela;
- (b) juruaudit yang tidak memperbaharui sijil amalan (*practising certificate*) daripada MIA atau ICMA; atau
- (c) juruaudit yang telah meninggal dunia.

37. Juruaudit juga hendaklah memaklumkan penamatan operasi firma audit persendirian atau memaklumkan persaraan sebagai rakan kongsi dalam firma audit kepada Suruhanjaya.

PERMOHONAN SEMULA KELULUSAN MENGAUDIT

38. Juruaudit yang telah dibatalkan kelulusan untuk mengaudit koperasi boleh membuat permohonan semula selepas tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh pembatalan kelulusan.

39. Juruaudit yang tidak diluluskan permohonan untuk mengaudit koperasi juga boleh membuat permohonan semula selepas tempoh **satu (1) tahun**.

BAHAGIAN G : PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

40. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta, peraturan-peraturan, perintah, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.
41. Dengan penguatkuasaan garis panduan ini, GP26: Garis Panduan Juruaudit yang Diberi Kelulusan Mengaudit Di Bawah subseksyen 61(1) Akta Koperasi 1993 (Pindaan) 2017 bertarikh 14 November 2017 adalah **DIBATALKAN**.
42. Semua juruaudit dikehendaki mematuhi arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa. Kegagalan juruaudit mematuhi garis panduan ini boleh memberi kesan kepada kelulusan mengaudit.
43. Garis panduan ini dikuatkuasa pemakaiannya mulai **1 September 2024**.

**SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI
PERMOHONAN KELULUSAN MENGAUDIT AKAUN KOPERASI**

Bil	Dokumen	Permohonan Baru (√) Ya (X) Tidak	Permohonan Pembaharuan (√) Ya (X) Tidak
1.	Salinan kad pengenalan	√	√
2.	Salinan sijil kelayakan akademik (diploma/ijazah/ profesional)	√	X
3.	Salinan resit pembaharuan keahlian (ACCA/CPA dan lain-lain)	√	√
4.	Salinan dokumen keahlian (MIA atau ICMA)		
	4.1 Malaysian Institute of Accountants (MIA)		
	(a) Sijil keahlian dan sijil amalan;	√	X
	(b) Resit pembaharuan keahlian dan sijil amalan yang terkini;	√	√
	(c) Maklumat Pendaftaran Firma Audit yang terkini daripada SSM (Borang 5 atau <i>Notification Of Change In The Register Of Firm Of Auditors</i>);	√	√
	(d) Pembaharuan Kelulusan Juruaudit daripada Perbendaharaan Malaysia; dan	√	√
	(e) Sekiranya berdaftar dengan AOB, sertakan surat pendaftaran daripada AOB dan resit pembaharuan AOB yang terkini.	√	√
	4.2 The Institute of Cooperative & Management Auditors (ICMA)		
	(a) Sijil keahlian dan sijil amalan;	√	
	(b) Resit pembaharuan keahlian dan sijil amalan yang terkini; dan	√	√
	(c) Maklumat Perniagaan dan Perakuan Pembaharuan Pendaftaran (Borang D atau E) daripada SSM yang terkini; atau	√	√

Bil	Dokumen	Permohonan Baru (√) Ya (X) Tidak	Permohonan Pembaharuan (√) Ya (X) Tidak
	<p>(d) Sekiranya berdaftar di bawah MIA sebagai Firma Bukan Audit (NF)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sijil Pendaftaran Firma (<i>Certificate of Registration of Firm</i>); • <i>Form M3 (Registration of Member Firms)</i> atau Pengesahan Status Firma daripada MIA; dan • Resit pembaharuan keahlian MIA 	√	X
5.	Senarai kakitangan firma yang mengandungi maklumat-maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan, kelayakan akademik (profesional/ ijazah/diploma) dan nombor KWSP	√	√
6.	Senarai koperasi yang diaudit dan status data kewangan (status: selesai)	X	√
7.	Bayaran sebanyak RM200.00 hendaklah dibuat melalui pindahan wang, kiriman pos, draf bank atau cek dibayar kepada Kumpulan Wang Operasi SKM.	√	√

Singkatan:

Audit Oversight Board (AOB)

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (*SSM*)

**KATEGORI JURUAUDIT, JENIS DAN HAD BILANGAN
KOPERASI YANG BOLEH DIAUDIT**

JENIS KATEGORI	KATEGORI JURUAUDIT	JENIS KOPERASI YANG BOLEH DIAUDIT	BILANGAN KOPERASI YANG BOLEH DIAUDIT
A	Seorang juruaudit yang: (a) diluluskan mengaudit oleh Suruhanjaya; (b) mempunyai sijil amalan dengan MIA; (c) memperoleh kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 263(4) Akta Syarikat 2016 daripada Perbendaharaan Malaysia; dan (d) berdaftar dengan AOB yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.	Boleh mengaudit semua jenis koperasi	Tiada had bilangan
B	Seorang juruaudit yang: (a) diluluskan mengaudit oleh Suruhanjaya; (b) mempunyai sijil amalan dengan MIA; dan (c) memperoleh kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 263(4) Akta Syarikat 2016 daripada Perbendaharaan Malaysia.	Semua jenis koperasi kecuali koperasi yang dikehendaki melantik juruaudit yang berdaftar dengan AOB	Tiada had bilangan
C	Seorang juruaudit yang: (a) diluluskan mengaudit oleh Suruhanjaya; (b) mempunyai sijil amalan dengan ICMA; dan (c) mempunyai pejabat cawangan seperti dinyatakan di para 28.	Koperasi yang mempunyai aset atau perolehan bernilai hingga RM 50 juta sahaja (mana lebih tinggi)	Tidak melebihi 150 buah koperasi dalam tempoh kelulusan mengaudit

JENIS KATEGORI	KATEGORI JURUAUDIT	JENIS KOPERASI YANG BOLEH DIAUDIT	BILANGAN KOPERASI YANG BOLEH DIAUDIT
D	Seorang juruaudit yang: <ul style="list-style-type: none"> (a) diluluskan mengaudit oleh Suruhanjaya; (b) mempunyai sijil amalan dengan ICMA; dan (c) tidak mempunyai pejabat cawangan seperti dinyatakan di para 28. 	Koperasi yang mempunyai aset atau perolehan bernilai hingga RM 50 juta sahaja (mana lebih tinggi)	<ul style="list-style-type: none"> (a) Tidak melebihi 100 buah koperasi dalam tempoh kelulusan mengaudit (b) Bagi juruaudit yang tidak mempunyai kakitangan, jumlah dibenarkan adalah tidak melebihi 50 buah koperasi dalam tempoh kelulusan mengaudit

Singkatan:

Audit Oversight Board (AOB)

Malaysian Institute of Accountants (MIA)

The Institute of Cooperative & Management Auditors (ICMA)